



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - Tengku Zafrul Bersedia Tangani Cabaran Ekonomi
Dihadapi Malaysia

☐ Selasa, Mac 10 2020☐ ☐

KUALA LUMPUR, 10 MAC - Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, yang mengangkat sumpah jawatan senator hari ini susulan pelantikannya sebagai Menteri Kewangan, mengatakan komitmen untuk menangani cabaran ekonomi yang dihadapi negara.

Justeru, menteri itu berkata beliau akan mendapatkan taklimat daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir petang ini di Putrajaya, bagi memperoleh gambaran lebih baik dan perincian mengenai situasi ekonomi Malaysia.

"Saya berpandangan, apa yang kita perlu kini adalah menumpukan cabaran semasa sedia ada dari segi ekonomi," katanya ketika ditemui



pemberita selepas majlis mengangkat sumpah jawatan senator di Dewan Negara di bangunan Parlimen di sini.

Teknokrat terkemuka itu berkata beliau sebenarnya terkejut namun rendah hati atas pelantikan tersebut.

Beliau akan melakukan yang terbaik untuk membantu negara mengharungi tempoh sukar ini, katanya.

Pakar Ekonomi (Perbendaharaan Global -- Penyelidikan dan Strategi) OCBC Bank, Wellian Wiranto berkata pelaksanaan pakej rangsangan RM20 bilion dijangka menjadi keutamaan serta-merta Tengku Zafrul untuk melonjakkan semula ekonomi yang terkesan ekoran penularan COVID-19 seperti diumumkan pada 27 Feb lepas.

Tanggungjawab penting beliau termasuk mengekang defisit fiskal Malaysia daripada meningkat dalam keadaan penurunan harga minyak mentah berikutan kebimbangan mengenai lebih bekalan, katanya menerusi nota penyelidikan perbendaharaan oleh OCBC.

Tengku Zafrul dan Naib Presiden MCA, Datuk Lim Ban Hong merupakan antara enam individu yang mengangkat sumpah jawatan senator di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri S. A. Vigneswaran.

Sementara itu, Lim yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata beliau komited untuk meneruskan usaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) merangsangkan pertumbuhan ekonomi, menarik pelaburan langsung asing berkualiti serta menambah baik kebajikan rakyat.

"Saya anggap pelantikan ini sebagai tugas berat yang mempunyai cabaran memandangkan keadaan ekonomi dunia yang bergolak



□ BISNES

□ AGENSI

□ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <

Atas Talian

< >

Aplikasi Mudah Alih

Laman <

Mikro

e-Penyertaan <

&

Maklumbalas

< >

Statistik & <

Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia



sekarang. "Saya akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan kesinambungan yang dilaksanakan oleh MITI," katanya.

Memandangkan Malaysia menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) 2020 serta Sidang Kemuncak APEC pada November, beliau turut komited untuk memastikan kejayaan mesyuarat berkenaan yang menggalakkan perdagangan bebas bagi seluruh rantau ini.

-- BERNAMA

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000

☐ 03-88823893 /

03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data